


Bahagian A**[30 markah]****[Masa dicadangkan : 45 minit]**

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan remaja Malaysia.

Huraikan pendapat anda tentang faedah mengikuti kerja-kerja kesukarelawanan. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

- Melatih diri bekerja secara ikhlas
- Memperoleh pengalaman baru
- Berpeluang membantu golongan yang memerlukan



[Lihat halaman sebelah

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- Kebersihan diri merupakan kebersihan tubuh badan yang perlu dijaga oleh setiap individu bagi menjamin kesejahteraan hidup .

Sebagai remaja yang mengutamakan kesihatan, cadangkan cara-cara anda menjaga kebersihan diri.

(Waktu sambutan
selepas bersekolah
berjalan-jalan
berolahraga
bermain bola
bermain basket
bermain futsal
bermain voli
bermain badminton
bermain sepak bola
bermain futsal
bermain basket
bermain voli
bermain badminton)

- Kehidupan masyarakat moden yang sibuk hari ini menyebabkan mereka hidup bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing. Mereka mengabaikan kehidupan berjiran.

Tulis sebuah rencana yang bertajuk "Jiran Sepakat Membawa Berkat".

- Usaha menaik taraf sistem pengangkutan awam negara memberikan banyak manfaat kepada masyarakat .

Huraikan langkah-langkah menjadikan sistem pengangkutan awam sebagai pilihan utama masyarakat Malaysia.

- Keganasan bererti perilaku yang kejam, tidak berperikemanusiaan seperti pembunuhan dan penculikan. Keganasan hanya membawa kemusnahan dan kehancuran serta tidak mendatangkan sebarang faedah kepada masyarakat dan negara.

Jelaskan kesan-kesan keganasan antarabangsa kepada masyarakat dunia.

[Lihat halaman sebelah

SULIT

5.

Maju ke ruang buku
terlalu kerdil aku di sini
terapung di laut ilmu
tercurah berzaman
dalam tak terselam

Rangkap di atas merupakan sebahagian daripada sajak Di Perpustakaan karya Shafie Abu Bakar yang menunjukkan kepentingan perpustakaan kepada pelajar.

Kemukakan cadangan-cadangan untuk menarik minat pelajar mengunjungi perpustakaan sekolah.

KERTAS SOALAN TAMAT

1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
Percubaan SPM
2 1/2 jam

NAMA : Ho Mei Yin

KELAS : 5 SS

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2015

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

2 Jam 30 Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian soalan.*
2. *Jawab semua soalan jawapan bagi soalan 2(b), Soalan 2(c), soalan 2(d) dan soalan 4 berdasarkan teks komponen sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan hadiah tambahan di ruang pengaruh peperiksaan.*

Jawapan bukan diberikan dalam buku Rumi atau Jawi.

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian buat satu rumusan tentang *langkah-langkah untuk mengelakkan tragedi anak-anak lemas dan kesan-kesannya*. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Keselamatan keluarga merupakan tanggungjawab ibu bapa. Kealpaan ibu bapa menjadi punca utama berlakunya kemalangan terhadap anak-anak. Anak-anak yang dipantau akan bermain dengan penuh keseronokan. Di samping itu, keselamatan mereka sentiasa terjamin. Anak-anak juga akan berasa diri mereka sentiasa diberi perhatian oleh orang-orang yang tersayang. Gelak ketawa anak-anak umpama terapi kepada setiap ibu bapa.

Ramai orang suka bermain air sama ada di tempat terbuka seperti pantai, kolam, tasik atau tempat tertutup seperti di dalam bilik air, tab mandi dan kolam mandi persendirian. Keseronokan bermain air boleh menjadi tragedi apabila ada mangsa lemas. Kelemasan boleh berlaku di mana-mana dan ironinya turut boleh berlaku di bilik air rumah sendiri. (Kebanyakan ibu bapa atau penjaga mempunyai anggapan bahawa sekiranya anak kecil jatuh ke dalam kolam atau tab mandi) mereka akan dapat mendengar bunyi percikan air dan mereka dapat bertindak segera. Hakikatnya, perkara begini tidak berlaku, malahan kejadian lemas biasanya berlaku secara senyap dan tidak disedari.

Akademi Pediatrik Amerika (APA) telah mengesyorkan beberapa nasihat kepada ibu bapa atau penjaga untuk mencegah anak-anak daripada kelemasan. Seboleh-bolehnya (jangan dibiarkan kanak-kanak kecil bermain air berseorangan di dalam bilik air atau kolam.) Manakala baldi atau besen yang tidak digunakan haruslah dikosongkan. Kanak-kanak begitu ghairah untuk bermain air apabila melihat takungan yang berisi air. Kelalaian sesaat seperti ini akan **mengundang padah** kepada anak-anak yang disayangi. Jika anak-anak bermandi-manda di ruang yang terbuka seperti di kolam renang atau di pantai, (ibu bapa atau penjaga wajarlah memerhatikan betul-betul anak-anak mereka.) Ibu bapa tidak harus melakukan aktiviti lain kerana ini boleh mengganggu fokus terhadap anak-anak.) Sebaik-baiknya ibu bapa atau penjaga berada dalam jarak sedepa dengan tempat anak-anak yang sedang bermain air.)

Pakar keselamatan di air juga amat menggalakkan agar ibu bapa mengajar anak-anak berenang seawal umur 4 tahun.) Latihan berenang mampu mengurangkan risiko lemas dan menjadikan kanak-kanak lebih berani ketika berada di dalam air. Di samping itu, (ibu bapa, penjaga atau pengusaha kolam renang haruslah mengetahui ilmu CPR yang amat berguna ketika berhadapan dengan detik-detik cemas sekiranya berlaku kejadian lemas.) Sekiranya (memilih untuk beriadah di luar bersama-sama keluarga, ibu bapa hendaklah memilih tempat mandi-manda yang mempunyai khidmat pengawal pantai atau pengawal kolam (lifeguards).) Hal ini dapat memastikan keselamatan anak-anak sentiasa terkawal. Pada masa yang juga (anak-anak haruslah dipastikan supaya memakai jaket keselamatan apabila menggunakan pengangkutan air.) Andainya berlaku tragedi seperti bot karam maka risiko lemas boleh dikurangkan.

SULIT

Keluarga yang berkemampuan berupaya menyediakan kolam renang di kediaman sendiri. Hal ini akan membolehkan setiap ahli keluarga bermandi-manda tanpa gangguan daripada orang luar. Walau bagaimanapun, sebagai langkah keselamatan ibu bapa hendaklah memasang pagar lebih kurang setinggi 4 kaki dan pastikan sentiasa terkunci. Jangan biarkan kanak-kanak masuk dengan sewenang-wenangnya ke kawasan kolam. Bagi sesetengah negara maju terdapat penggera keselamatan apabila kanak-kanak terjatuh ke dalam kolam. Malang tidak berbau. Walaupun banyak usaha dilakukan untuk menjamin keselamatan, namun tragedi tetap akan berlaku. Diharap ibu bapa bertindak lebih proaktif agar mampu mengurangkan kesan tidak baik terhadap keselamatan anak-anak mereka.

(Dipetik dan diubah suai daripada
"Tragedi Anak-Anak Lemas, Salah Siapa?",
Oleh Syarifah Adilla bt Syed Mohamad,
Majalah ANIS, Januari 2013)

Soalan 2: Pemahaman
[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata **mengundang padah**. [2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan beberapa kesan baik sekiranya keselamatan kanak-kanak diutamakan.
Nyatakan **kesan tidak baik** sekiranya ibu bapa mengabaikan tanggungjawab menjaga keselamatan anak-anak mereka. [3 markah]
- iii Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang seharusnya kita ambil untuk mengurangi kesan buruk sekiranya berlaku sesuatu peristiwa yang malang? (4 markah)

SULIT**Soalan 2 (b) - Petikan Prosa Modern**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Gebok buk duduk, sesuatu yang maha menyakitkan menyembur di bawah meja. Sebotol asid yang terkuis kaki Um tumpah. Um menggelupur dan meraung kesakitan. Selisih keluarga menjadi gompar, tutup dan ruwet.

Ibu yang sedih kian merasa tertekan dengan perbalahan anak-anak, menelan air mata habis. Ibu tidak pernah mendidik anak-anak berkelahi dan bermusuhan-musuhan untuk mendapatkan sesuatu. Angin sakit berbuku di hulu hati ibu. Kerana tidak tertanggung dengan kesedihan yang dipendam, ibu kejang kaki tangan serta seluruh bahagian badan kiri. Ibu diserang angin ahmar.

Us, Uk, Ul dan yang lain-lain menafikan apabila ditanya apakah mereka yang bertanggungjawab meletakkan botol asid itu di bawah meja?

Um menuduh Uj yang mengkhianatinya kerana takutkan kekalahan. Sementara Uj menuduh Um yang meletakkannya di situ dengan hasrat mencederakan Uj kerana tidak mahu dikalahkan.

(Dipetik daripada cerpen 'Pemain Catur'
Oleh Zaharah Nawawi dalam antologi
Harga Remaja Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Gambarkan reaksi ibu apabila mendapati anak-anaknya berbalah sesama sendiri.
[2 markah]
- (ii) Terdapat pelbagai masalah yang boleh menimbulkan konflik dalam sesebuah keluarga. Kesannya hubungan silaturahim semakin longgar.
Jelaskan dua cara untuk menyelesaikan konflik yang berlaku dalam kalangan ahli keluarga.
[3 markah]
- (iii) Huraikan satu pengajaran yang terdapat dalam petikan dan satu pengajaran lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.
[4 markah]

SULIT

d) Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Permainan tradisional merupakan antara usaha-usaha untuk mengekalkan wawasan nenek moyang agar berkekalan.
- (ii) Semua guru mengharapkan setiap pelajarnya memperoleh kemenangan demi untuk menjamin masa depan mereka.
- (iii) Kejadian tanah runtuh di kawasan tanah tinggi berlaku bila kawasan tahanan air digondolkan secara berleluasa.

[6 markah]

(e) Nyatakan satu peribahasa lain yang membawa maksud hampir sama dengan peribahasa di bawah.

- (i) Mencurah garam ke laut.
- (ii) Musuh dalam selimut.
- (iii) Bagai Si Kudung mendapat cincin .

SULIT

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Papa ... (akhirnya kau tewas jual!) karja Deana Yusof
- (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (iii) Azha Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
- (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L.Kadir
- (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa kepincangan sosial yang berlaku dalam masyarakat.

[7 markah]

- (b) Pengarang sering mengetengahkan persoalan tanggungjawab dalam hasil karya mereka.

Jelaskan **satu** persoalan tanggungjawab yang terdapat dalam kedua-dua buah novel yang anda kaji.

[8 markah]

- (a) Datuk Duli tidak menghakimi pelakon untuk begi menggantikan dalam syarikat Duli - Albert Holdings. Datuk Duli dan Datuk Zamrah menganggap keputusan untuk ke Negeri Sembilan mengerjakan umrah segala masalah yang

KERTAS SOALAN TAMAT

1103/1
Bahasa Melayu
Kertas 1
Percubaan SPM
2015
 $2\frac{1}{4}$ jam

NAMA : ..Nurashikin A/p Mohd Arif..
KELAS :SSS.....

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2015

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

Lihat halaman sebelah